

# KERATAN AKHBAR

## BERITA HARIAN

27 JULAI 2021 ( SELASA )

### Webinar UMPA galak jana ekonomi secara digital

Raub: Usahawan tempatan diminta memanfaatkan ekonomi digital dan beralih ke platform itu bagi menjamin kelangsungan perniagaan.

Sararan itu antara yang diutarakan dalam program webinar bertajuk 'Bicara Melahirkan Usahawan Digital' yang diadakan secara langsung menerusi laman Facebook Universiti Malaysia Pahang Advanced (UMPA) Official Page, baru-baru ini.

Program webinar itu anjuran UMPA yang bertindak mengurus program empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan empower ECER-Memampunkan Ekonomi Asas Rakyat (empower ECER-MEKAR) di Pahang dan disertai seramai 80 usahawan dari daerah Bera, Raub, Lipis dan Cameron Highlands.

Ia satu daripada inisiatif di bawah program empower ECER dan empower ECER-MEKAR di anjurkan secara bersama Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama Yayasan PETRONAS.

Program empower ECER-MEKAR tajaan Yayasan PETRONAS itu penting dalam merapatkan jurang ekonomi antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar melalui kemahiran vokasional dan keusaha-



Antara peserta program webinar Bicara Melahirkan Usahawan Digital anjuran UMPA, baru-baru ini.

wanan yang disediakan kepada peserta.

Selain, memberi pendedahan mengenai kaedah menjana ekonomi dalam situasi norma baharu untuk melahirkan usahawan digital di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Perasmian program webinar itu disempurnakan oleh Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Pahang, Wan Suhaini Wan Mohamad yang mewakili Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Pahang Datuk Dr Mohd Zakaria Ibrahim.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Pejabat ECER Wilayah Pahang, Datuk Mohd Mazlan Sharudin, Ketua Unit Operasi Yayasan PETRONAS, Tengku Noraida Tengku Mahmood dan Pengarah Projek empower ECER, Prof Madya Dr Abdul Aziz Mohd Azoddein dari Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Panel jemputan, pengasas aplikasi IGoGet, Mohamad Sufian Nordin dan Pengarah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Pahang, Kamaruddin Daud berkongsi tip mengenai pemasaran

produk secara digital serta menggalakkan peserta mendaftarkan perniagaan secara dalam talian.

Melalui sesi perkongsian, Mohamad Sufian menerangkan bahawa IGoGet adalah sebuah platform yang menawarkan perkhidmatan penghantaran.

Beliau memberi pendedahan mengenai penggunaan aplikasi itu untuk menjalankan perniagaan dalam talian dan menyeru usahawan yang terkesan pandemik COVID-19, memanfaatkan aplikasi berkenaan.

Sementara, Kamaruddin mem-

berikan penerangan mengenai skim pendaftaran perniagaan percuma (SPPP) kepada golongan B40 dan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang bermintat untuk memulakan perniagaan sendiri.

Peserta turut diberi panduan mengenai tatacara mendaftar perniagaan secara dalam talian melalui sistem EZBiz SSM.

Pada masa sama, Abdul Aziz turut memberi taklimat mengenai kursus kemahiran dan latihan teknikal yang ditawarkan bagi pengambilan peserta bahan-

ru. Beliau menjelaskan, program berkenaan bertujuan membantu komuniti setempat berpendapatan rendah dan kurang berasib baik terutama golongan B40, belia, ibu tunggal, asnaf dan juga penganggur dan penyertaan terbaik kepada semua kaum.

"Dengan latihan kemahiran dan bimbingan keusahawanan yang ditawarkan, peserta mampu mendapat pekerjaan yang lebih baik mahupun memiliki perniagaan sendiri."

"Ini sekali gus dapat naikkan taraf hidup komuniti setempat dan meningkatkan ekonomi rakyat di negeri Pahang" katanya.